

Tingkat kekuatan rohani, jasmani persediaan sambut puasa

Tidak lama lagi umat Islam seluruh dunia akan menyambut Ramadan, bulan yang amat dinantikan. Ramadan adalah bulan penuh keberkatan dan kemuliaan. Oleh itu, kedatangannya memang ditunggu kerana ia menjanjikan peluang amat besar untuk seluruh umat meningkatkan keimanan dan ketakwaan.

Namun, kita jarang membuat persediaan menghadapi Ramadan dan amalan berpuasa. Malahan ada juga sesetengah manusia yang menganggap Ramadan dan amalan berpuasa adalah perkara remeh dan menyusahkan.

Sepatutnya pada Rejab inilah, umat Islam berlumba-lumba melakukan ibadah untuk menyambut kedatangan Ramadan yang akan menjelma tidak lama lagi.

Hakikatnya, realiti masyarakat menunjukkan bahawa persediaan besar-besaran dilakukan untuk menyambut Aidilfitri. Pada masa inilah mereka dihidangkan pelbagai tawaran istimewa atau jualan murah

yang diadakan. Ada juga segelintir masyarakat mula berpusu-pusu membeli belah sehingga berlaku pembaziran.

Tidak salah kita membuat persiapan awal Syawal tetapi jika persiapan itu dilakukan dengan meriah, sewajarnya persiapan menyambut Ramadan perlu dilakukan lebih meriah kerana Ramadan adalah bulan yang penuh dengan keberkatan.

“**Hakikatnya, realiti masyarakat menunjukkan bahawa persediaan besar-besaran dilakukan untuk menyambut Aidilfitri**”

Salah erti persiapan Ramadan

Paling menyedihkan apabila persiapan Ramadan disalahertikan. Pada masa ini, ada pihak yang mula sibuk dengan pakej berbuka puasa dan ini bukanlah persediaan yang kita mahukan sebagai umat Islam. Persediaan utama ialah melengkapkan diri dengan kekuatan rohani dan jasmani serta ilmu dan merebut segala faedah ditawarkan pada Rejab dan Syaaban untuk menghadapi Ramadan.

Matlamat utama adalah untuk menjadi insan lebih baik di sisi Allah SWT serta meningkatkan kualiti iman dan ibadah.

Pada zaman Rasulullah SAW, sahabat sangat menanti dan merindui Ramadan. Menjadi kewajipan untuk kita berusaha menjadikan Ramadan kali ini lebih baik. Umat Islam sangat beruntung kerana diberikan peluang menjalani ibadah puasa dan keistimewaan yang Allah SWT berikan janganlah dipersiapkan. Buatlah persediaan sewajarnya menyambut bulan mulia ini. Semoga kita menjadi seorang Muslim yang lebih baik berbanding sebelumnya.



Muhammad Affifuddin Ibrahim,

Universiti Sains Islam Malaysia